

EKONOMI TINGKATAN 5
TAJUK : EKONOMI ANTARABANGSA (IMBANGAN PEMBAYARAN)
LATIHAN AKTIVITI 2.3.3A (BUKU TEKS MUKA SURAT 191)

Aktiviti 2.3.3A

Aliran Wang Keluar oleh Pekerja Asing

KUALA LUMPUR – Jumlah wang yang dikirimkan ke negara asal oleh pekerja asing meningkat sebanyak 23.2 peratus kepada RM34.75 bilion pada tahun 2015. Menurut Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani, sebanyak RM28.21 bilion telah dihantar ke luar negara oleh pekerja asing di negara kita.

“Merujuk kepada rekod, dari tahun 2011 hingga tahun 2015, destinasi utama kiriman wang ke luar negara ialah Indonesia, diikuti dengan Bangladesh, Nepal, India dan Filipina. Dari aspek peningkatan jumlah aliran wang keluar pada tahun 2011 adalah pada kadar 17.1 peratus dan angka itu meningkat kepada 23.2 peratus pada tahun 2015,” katakana beliau.

Sumber: Wang pekerja asing RM34.75 bilion oleh Ahmad Mustakim Zulkifli, tahun 2016

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan berikut.

- (a) Bagaimanakah butiran di atas direkodkan dalam akaun semasa?
- (b) Ramalkan kesan kepada akaun semasa Malaysia pada masa depan jika kita masih bergantung pada pekerja asing.
- (c) Mengapakah Malaysia perlu bergantung pada pekerja asing?
- (d) Jelaskan kesan pergantungan kepada pekerja asing terhadap ekonomi Malaysia.
- (e) Bagaimanakah Malaysia boleh mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing?

PANDUAN JAWAPAN (SILA PILIH JAWAPAN YANG TEPAT UNTUK DIISIKAN DALAM RUNAGAN KOSONG DALAM JAWAPAN DI BAWAH)

LEBIHAN	KELUAR	PENDAPATAN SEKUNDER
PENDAPATAN PRIMER	PENDAPATAN	DEFISIT

- a) Butiran di atas direkodkan dalam akaun semasa melalui akaun.....kategori Ini disebabkan pendapatan yang diterima oleh pekerja asing yang bekerja di Malaysia.
- b) Kesan kepada akaun semasa Malaysia pada masa depan jika masih bergantung kepada pekerja asing ialah akaun semasa akan menjadikerana Malaysia terpaksa membuat pembayaran wang negara melebihi terima wang masuk ke dalam negara.

Untuk panduan jawapan soalan c,d dan e
Sila pilih perkataan yang sesuai pada tempat kosong di bawah.

c) Malaysia perlu bergantung pada pekerja asing kerana rakyat tempatan tidak untuk bekerja dalam sektor ekonomi tertentu yang mempunyai kadar upah yang rendah dan kerja yang melibatkan aktiviti fizikal contoh pekerjaan tersebut seperti tukang sapu, pekerja ladang, pekerja kilang, pengawal keselamatan. Rakyat Malaysia suka kerja yang selesa dan bergaji tinggi.

Satu lagi faktor ialah syarikat tempatan tidak perlu bayaran gaji yang untuk menggunakan khidmat pekerja asing berbanding jika syarikat tersebut mengupah pekerja tempatan. Kebiasaanya gaji buruh asing adalah lebih rendah berbanding buruh tempatan. Ini akan menjimatkan kos pengeluaran syarikat tempatan dan akan dapat keuntungan yang maksimum.

d) Kesan pergantungan kepada pekerja asing terhadap ekonomi negara ialah imbalan pembayaran akan mencatat..... kerana pembayaran kewangan melebihi penerimaan kewangan.

Kesan Positif daripada pergantungan tersebut, syarikat tempatan akan mendapat keuntungan yang disebabkan upah yang rendah untuk pekerja asing. Syarikat tempatan yang mempunyai keuntungan yang tinggi akan membayar cukai pendapatan syarikat pada pihak kerajaan. Kerajaan akan mempunyai pendapatan yang tinggi untuk melaksanakan program-program pembangunan negara.

Kesan negatif daripada pergantungan kepada pekerja asing, ramai rakyat tempatan akan menganggur kerana sektor pekerjaan di Malaysia dikuasai oleh buruh asing. Jika keadaan ini berterusan Malaysia akan mengalami kadar pengangguran lebih daripada 4% dan..... mencapai guna tenaga penuh. Seterusnya akan menurunkan pendapatan negara. Pengaliran wang keluar negara juga akan tinggi ini akan menyebabkan penurunan kadar pertukaran asing.

e) Malaysia boleh mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dengan memberikan kemahiran dan insentif yang tinggi kepada rakyat tempatan untuk berkerja dalam pelbagai sektor ekonomi. Contohnya kerajaan Malaysia memodenkan sektor utama dengan menggunakan yang terkini dalam bidang pertanian dan perlombongan. Agensi kerajaan akan memantau serta memberikan subsidi kepada peladang, nelayan serta pelombong untuk memajukan industri berkenaan tanpa menggunakan tenaga pekerja asing.

Kerajaan Malaysia juga boleh gaji minimum untuk setiap pekerja di Malaysia untuk menarik pekerja tempatan berkerja dalam pelbagai sektor ekonomi yang sebelum ini didominasi oleh pekerja asing. Syarikat-syarikat di Malaysia juga digalakkan untuk mengambil pekerja tempatan sebagai pekerja mereka dan pihak kerajaan akan memberikan subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran syarikat tersebut.

